

HASiL/2026/02/26 – 14

HASiL DEKATI PEMPENGARUH MEDIA SOSIAL:

MEMPERKASA KEFAHAMAN CUKAI DALAM ERA EKONOMI DIGITAL

CYBERJAYA, 26 FEBRUARI 2026 – Ledakan ekonomi digital yang semakin pesat menuntut kefahaman jelas mengenai tanggungjawab percukaian. Seiring dengan perkembangan tersebut, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) tampil proaktif menganjurkan Sesi Libat Urus (SLU) Bersama Dengan Pempengaruh Media Sosial daripada pelbagai bidang dan latar belakang yang berlangsung di Menara HASiL, Cyberjaya.

Sesi ini menjadi platform interaktif HASiL untuk menjelaskan layanan cukai terhadap pendapatan yang dijana oleh pempengaruh media sosial. Antara sumber pendapatan tersebut ialah bayaran daripada platform digital, penajaan produk, jualan jenama sendiri, dan royalti penggunaan kandungan, yang kesemuanya tertakluk di bawah Perenggan 4(a), Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967.

Berucap pada majlis tersebut, YBhg. Datuk Hisham Rusli, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Dasar) HASiL berkata, pendekatan dialog secara langsung ini mencerminkan komitmen HASiL untuk memastikan pemain industri digital faham dan patuh terhadap kewajipan cukai mereka. Menurut beliau, pempengaruh media sosial kini menjadi sebahagian penting daripada ekosistem ekonomi negara, dan semua

pendapatan yang dijana adalah tertakluk kepada peraturan cukai yang ditetapkan. Sehubungan dengan itu, SLU ini bukan sahaja menerangkan kewajipan cukai secara lebih jelas dan tersusun, malah memberi ruang kepada HASiL untuk mendengar secara langsung pandangan, cabaran serta realiti semasa yang dihadapi dalam landskap penciptaan kandungan digital yang sentiasa berkembang.

Sebagai langkah sokongan, HASiL telah menerbitkan **Garis Panduan Layanan Cukai Ke atas Pendapatan Pempengaruh Media Sosial** pada 14 Januari 2026 yang boleh diakses melalui portal rasmi HASiL di <https://www.hasil.gov.my/media/mpvatln/20260114-garis-panduan-layanan-cukai-ke-atas-pendapatan-pempengaruh-media-sosial.pdf>.

HASiL akan terus mempergiat pendekatan kolaboratif dan pendidikan percukaian bagi memastikan sistem percukaian negara kekal relevan, telus dan seiring dengan perkembangan ekonomi digital negara.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.



Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 26 Februari 2026

LAMPIRAN



Sesi Libat Urus Bersama Dengan Pengengaruh Media Sosial daripada pelbagai bidang dan latar belakang yang berlangsung di Menara HASiL, Cyberjaya hari ini.



YBhg. Datuk Hisham Rusli, TKPE (Dasar) HASiL bersama pengurusan kanan HASiL dan para pengengaruh media sosial yang hadir merakamkan gambar kenang-kenangan.